

13/01/1997

MSC: Rakyat perlu sahut gagasan PM

MALAYSIA yang membangun dengan pesatnya mencatat dirinya dalam peta ekonomi dunia sebagai antara negara membangun yang mempunyai kadar pertumbuhan memberangsangkan. Selaras dengan itu, pembangunan industri teknologi maklumat di negara ini juga berkembang begitu pesat sekali. Ketika kita menuju ke abad ke-21, antara perkara yang dititikberatkan bagi memastikan kejayaan negara ialah pembangunan teknologi (IT) maklumat. Pada abad ini maklumat memainkan fungsi penting dan ia menentukan jatuh bangunnya sesebuah organisasi serta negara.

Oleh sebab itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menggagaskan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dalam memastikan Malaysia mengekalkan daya saingnya dalam arena antarabangsa. Bagi merealisasikan usaha ini, Dr Mahathir mengadakan lawatan ke negara maju bagi mencari peluang kerjasama dalam menjayakan projek MSC ini. Hasil usaha beliau, Malaysia akan mencatat sejarah industri teknologi maklumat apabila 25 tokoh dan pemimpin IT yang terkenal akan bertemu dan berbincang mengenai pembangunan MSC.

Perdana Menteri sendiri akan mempengerusikan mesyuarat itu yang bakal dihadiri oleh tokoh IT yang terkenal seperti Bill Gates, Pengerusi Microsoft, Jim Clarke, Pengerusi Oracle dan ramai lagi. Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC itu akan diadakan di Universiti Stanford, California pada 16 Januari nanti.

Adalah diharapkan hasil mesyuarat ini, rancangan Kerajaan untuk mewujudkan persekitaran yang paling lengkap bagi syarikat IT yang akan dibentuk bagi mengedar dan menggunakan bahan multimedia akan dapat dicapai. Persoalannya sekarang, adakah rakyat kita bersedia menerima dan memainkan fungsi yang aktif dalam MSC ini? Bagi penghuni kota, mereka mungkin tidak hairan dengan istilah Internet, multimedia dan pelbagai bentuk rupa komputer yang ada di pasaran sekarang ini.

Masalahnya sekarang ini, sebahagian besar rakyat negara ini masih lagi tidak didedahkan dengan teknologi maklumat secara menyeluruh. Sistem pendidikan negara sudah mula memperkenalkan komputer kepada pelajar lewat 80-an. Ini sekurang-kurangnya membantu melengkapkan generasi muda negara dalam menghadapi era teknologi maklumat.

Sehubungan itu, kita seharusnya mengambil peluang yang kerajaan berikan untuk turut serta dalam pembangunan teknologi maklumat ini. Permodalan Nasional Bhd (PNB) sendiri sudah melangkah ke era teknologi maklumat apabila memulakan sistem pengkomputeran pusat bagi semua ejennya pada 1 Januari 1990. Kemudahan ini membolehkan pelabur melaburkan wang mereka di mana-mana ejen ASNB di seluruh negara.

Teknologi maklumat juga penting dalam bidang pelaburan. Keaktifan bursa saham dengan jumlah dagangan yang besar memerlukan sistem yang cekap bagi melicinkan urusan jual beli saham.

Instrumen kewangan yang dipelbagaikan memerlukan satu sistem pengurusan yang cekap bagi menjamin mutu dan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan. Tanpa industri teknologi maklumat yang canggih, kita pasti tidak dapat bersaing dengan negara maju dalam bidang ekonomi.

Kerajaan juga sudah memulakan projek pengkomputeran agensinya bagi meningkatkan mutu perkhidmatan mereka. Ini dapat melicinkan lagi urusan orang ramai serta mempercepatkan urusan pemerosesan sesuatu dokumen. Ini akan dapat membantu dalam pembangunan ekonomi apabila urusan dapat diselesaikan dengan segera dan mudah.

Bagi memantapkan industri teknologi maklumat ini untuk tahun 1997. Perdana Menteri sendiri membidas sikap syarikat tempatan yang tidak mengambil peluang mengadakan kerjasama dengan syarikat luar dalam mendapatkan teknologi baru daripada projek-projek mega seperti projek Kuala Lumpur City Centre (KLCC), KLIA dan sebagainya. MSC adalah satu projek mega yang boleh dimanipulasikan bagi mendapatkan kepakaran daripada syarikat asing dalam industri teknologi maklumat.

Sesungguhnya dengan komitmen daripada setiap warga Malaysia dalam menyahut seruan Kerajaan ini ianya pasti akan membuahkan hasil. Kita mesti melihat perkembangan ini dari sudut positif. Sekiranya kita hanya berpeluk tubuh dan menyaksikan orang lain merebut peluang yang diberikan kelak kita sendiri yang akan menyesal di kemudian hari.

Kita harus bersedia melibatkan diri dalam arus pembangunan ini. Bagi mereka yang berkemampuan bolehlah membeli komputer dan mendapatkan akses Internet yang mampu menghubungkan kita ke segenap pelosok dunia.

(END)